

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 04 Ogos 2016 13:05
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SERONOKNYA 4 HARI 3 MALAM SM SAINS KUBANG PASU KEDAH DISCOVER UUM



04 OGOS 2016 / 01 ZULKAEDAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SERONOKNYA 4 HARI 3 MALAM SM SAINS KUBANG PASU KEDAH DISCOVER UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Kewujudan Bulatan Masa dan Welcome Centre mencatat sejarah menyerlahkan keunikan yang menjadi mercu identiti. UUM sekaligus memukau tetamu yang bertali arus ke UUM.

Bertemakan Discover UUM, “Achieve the Brighter Future” Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu Kedah telah mengadakan program di kampus Sintok bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Dengan kata lain, SM Sains Kubang Pasu membuat pilihan lokasi yang tepat bagi memberikan pengetahuan, pendedahan serta pengalaman kepada pelajar untuk mencanai idea agar membantu melahirkan pelajar yang berwawasan.

“Persekitaran UUM yang kaya dengan alam semulajadi, flora dan fauna amat bersesuaian dengan jiwa pelajar di mana mereka dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi selepas proses pembelajaran di sekolah yang padat dengan cara mendekatkan diri dengan suasana alam yang berbeza”, menurut Penyelaras yang juga guru Kanan Kemanusiaan, Siti Aishah Ahmad.

Sudah pasti, aktiviti fizikal, kerohanian serta akademik dalam pakej Discover UUM dapat disuburkan kepada pelajar tersebut dengan pelbagai pengalaman baru yang bakal menjadi himpunan sejarah kepada mereka kelak.

Discover UUM yang terisi untuk dua hari pertama di kampus antaranya berpiknik dan taklimat umum di Welcome Centre, taklimat akademik, kuliah agama, ceramah motivasi, hayati sejarah Sintok, *jungle trekking* di rimba hijau sambil mengenali pokok tiga beradik, aktiviti ekuin serta banyak lagi yang pasti terkandung memori yang tinggi nilainya buat mereka.

“Pendedahan kepada ilmu dan fakta yang menarik mengenai UUM dan sejarah”.

“Kakitangan yang mesra”.

“Tak kenal maka tak cinta”, kata Siti Aishah yang memilih Sejarah sebagai bidang pengajaran beliau.

Ditinjau maklum balas yang diterima daripada para pelajar SM Sains, rata-rata berkata,

“Kami seronok masuk hutan”.

“Kami seronok berjinak dengan kuda”.

Semuanya aktiviti kami *enjoy and happy*”.

Justeru, khazanah dan ilmu UUM di rimba hijau ini semoga menjadi santapan dan sentuhan jiwa mereka agar misi dan visi mereka jelas menepati tema, “Achieve the Brighter Future”.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

